

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : BAS PERCUMA SMART SELANGOR**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah kos untuk melaksanakan Bas Percuma Smart Selangor?
  - Apakah rancangan jangka panjang Kerajaan untuk program Bas Percuma Smart Selangor?

**JAWAPAN:**

- Pembentangan kos oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor adalah sebanyak RM800.00 sebuah bas sehari. Jumlah tersebut merangkumi kos penyewaan, termasuk urusan pentadbiran seperti gaji pemandu dan sebagainya serta pengoperasian dan penyelenggaraan yang dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada syarikat operator yang dilantik.

Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk perkhidmatan Bas Smart Selangor bagi tempoh 2018 dan tahun 2019 adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Peruntukan</b>	<b>Tahun 2018</b>	<b>Tahun 2019</b>
1.	Kerajaan Negeri	RM17,859,306.00	RM29,780,701.20 <i>(data sehingga September 2019)</i>
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	RM8,269,640.00	RM9,069,018.00 <i>(data sehingga September 2019)</i>
<b>Jumlah</b>		<b>RM26,128,946.00</b>	<b>RM38,849,719.20</b>

\* Sumber: data UPEN Selangor sehingga 30 September 2019

- Perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan sasaran *modal split* 60:40 penggunaan pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian yang ditetapkan di dalam Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) dapat dicapai menjelang tahun 2035. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan meneruskan perkhidmatan Bas Smart

Selangor dan keperluan tersebut mempunyai komitmen yang besar dari segi pelaksanaan dan sumber kewangan yang perlu ditampung oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk jangkamasa panjang.

Bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan Bas Smart Selangor, Kerajaan Negeri amat bergantung kepada peruntukan kewangan yang terhad, manakala bantuan dana daripada Kerajaan Persekutuan juga diperlukan untuk menampung perbelanjaan pengoperasian bas sedia ada oleh Kerajaan Negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan. Dengan adanya bantuan di pihak Kerajaan Persekutuan, perkhidmatan bas ini dapat diteruskan dengan penambahan laluan yang lebih banyak pada masa hadapan. Selain itu, inisiatif baru yang diperkenalkan dalam perkhidmatan Bas Smart Selangor adalah penyediaan laluan bas ini ke fasiliti-fasiliti kesihatan seperti klinik dan hospital yang terdapat di Negeri Selangor. Inisiatif ini tiada implikasi kewangan atau pertambahan kos kerana hanya melibatkan sedikit pindaan laluan sedia ada. Inisiatif ini juga mendapat kerjasama yang daripada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk membenarkan perkhidmatan Bas Smart Selangor lalu dan masuk ke fasiliti-fasiliti tersebut.

Kerajaan Negeri juga akan terus mempertingkatkan usaha dalam menggalakkan masyarakat untuk menggunakan pengangkutan awam seperti bas sebagai mod pengangkutan pilihan yang paling mudah dan mempunyai *connectivity* dengan pelbagai pengangkutan awam yang lain seperti LRT, MRT, BRT dan Komuter.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : AGROPRENEUR MUDA SELANGOR**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan maklumat geran yang telah diluluskan bawah Program Agropreneur Muda Selangor.
- b) Bagaimanakah Kerajaan memastikan program ini akan dilaksanakan dengan berjaya?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga tahun 2018, sejumlah RM3,344,842.00 telah diluluskan kepada agromuda di bawah Program Agromuda Selangor atau AMSELyang melibatkan penerima seramai 180 orang. Pemberian geran bantuan adalah berbentuk peralatan, input pertanian, baka ternakan, benih ikan serta peralatan akuakultur. Pecahan pemberian geran tersebut adalah seperti berikut:-

BIL.	TAHUN KELULUSAN	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	2015	21	279,975
2.	2016	44	668,123
3.	2017	31	418,621
4.	2018	84	1,978,123
<b>JUMLAH</b>		<b>180</b>	<b>3,344,842</b>

(Sumber : Upen, Oktober 2019)

- b) Bagi memastikan setiap pemberian bantuan yang diberikan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penerima, Kerajaan Negeri telah mendapatkan kerjasama dari setiap jabatan yang berkaitan iaitu Jabatan Pertanian Selangor, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor dan Jabatan Perikanan Selangor untuk membuat pemantauan dan melaporkan status penerima setelah pemantauan dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : GUGUSAN INDUSTRI TERPILIH DAN INDUSTRI PERKHIDMATAN**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Bagaimana untuk pelaksanaan Gugusan Industri Terpilih dan Industri Perkhidmatan dilaksanakan di Rawang?
  - Apakah yang telah dilaksanakan untuk Gugusan Industri Terpilih dan Industri Perkhidmatan di Rawang?
  - Nyatakan jadual perancangan untuk perlaksanaan Gugusan Industri Terpilih dan Industri Perkhidmatan di Rawang.

**JAWAPAN:**

a), b) dan c)

Klusterisasi Negeri Selangor merupakan inisiatif yang telah mengenalpasti sembilan (9) kluster yang diberi penumpuan oleh Kerajaan Negeri bagi memantapkan kekuatan di suatu kawasan tumpuan dengan menfokuskan kelebihan sedia ada melalui penyeragaman persamaan bagi melengkapkan aksesibiliti dan prasarana fizikal yang berkaitan. Pelaksanaan kluster ini dijangka mampu untuk mempertingkatkan daya saing Negeri Selangor di peringkat nasional dan global bagi menarik pelaburan domestik dan asing yang berkualiti tinggi dan seterusnya, menjana pertumbuhan ekonomi setempat yang berkualiti bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri yang mapan.

Antara kluster yang disenaraipendek adalah Kluster Industri Terpilih dan Industri Perkhidmatan yang telah dipertanggungjawabkan kepada Invest Selangor Berhad (ISB) sebagai Ketua Kluster bagi melihat hala tuju dan perancangan bersesuaian secara holistik. Bagi tujuan ini Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal telah diadakan membabitkan penggiat industri yang berkaitan, antaranya Central Spectrum Sdn. Bhd., National Institute of Biotechnology Malaysia (NIBM), Malaysia Bioeconomy Development Corporation, Tourism Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Berdasarkan perbincangan dan kajian yang terperinci berkaitan keupayaan dan peluang yang terdapat di dalam industri sedia ada di bawah kluster ini, ahli jawatankuasa bersetuju untuk memilih dan memberi fokus kepada industri halal, bioteknologi dan pelancongan kesihatan. Cadangan ini seterusnya telah dibentangkan kepada Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) dan

dipersetujui. Berdasarkan pindaan ini, kawasan penumpuan bagi Kluster Industri Terpilih dan Industri Perkhidmatan juga telah dialihkan ke kawasan baru iaitu di kawasan Pulau Indah bersesuaian dengan subsektor yang telah dipilih.

Walaupun kawasan Rawang telah dikeluarkan daripada kawasan fokus bagi kluster ini, Kerajaan Negeri akan sentiasa memantau industri berteraskan kepada potensi sedia ada di kawasan tersebut bagi merancakkan pertumbuhan ekonomi setempat dan seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi negeri yang mampan. Memandangkan Rawang mempunyai industri bercampur-campur dan berdekatan dengan kawasan Serendah yang tersenarai di bawah Kluster Aeroangkasa dan Automotif, Kerajaan Negeri berpendapat Rawang mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai industri sokongan dan menjadi tulang belakang kepada pembekalan komponen-komponen penting dalam menggerakkan industri besar dan melengkapkan ekosistem bagi kluster-kluster terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : RIVER OF LIFE**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah perancangan untuk River of Life di Negeri Selangor?
  - Berapakah peruntukan telah disalurkan untuk tujuan River Of Life?
  - Apakah manfaat untuk pelaksanaan River of Life?

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman, sebanyak 7 sungai terlibat bagi pelaksanaan program River of Life iaitu Sungai Klang, Sungai Ampang, Sungai Batu, Sungai Kerayong, Sungai Keroh dan Sungai Gombak di kawasan Kuala Lumpur. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Selangor Maritime Gateway (SMG) bagi membangunkan program pengindahan, pembersihan dan kesedaran awam di Sungai Klang. Selain itu, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia telah membuat permohonan peruntukan di dalam RMK-12 bagi memperluaskan pelaksanaan program River of Life di Negeri Selangor.
- Sehingga kini, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor tidak menerima peruntukan bagi tujuan pelaksanaan River of Life.
- 3 skop utama pelaksanaan River Of Life ialah pengindahan serta pembersihan sungai dan *Public Outreach Program (POP)*. Program ini akan memberikan impak kepada kelestarian dan juga kehidupan ekologi marin. Program ini akan melibatkan pembangunan di sepanjang koridor Sungai Klang dan juga Public Outreach Program yang melibatkan semua *stakeholders* bersama penduduk sepanjang Sungai Klang dan dengan itu dapat memulihkan serta meningkatkan kualiti air Sungai Klang dari kelas III dan IV kepada kelas II.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : STADIUM SHAH ALAM**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan untuk menambahbaik Stadium Shah Alam yang kini dalam keadaan perlu pemberian?
- b) Berapa peruntukan yang telah disalurkan setiap tahun untuk penyelenggaraan?
- c) Adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk mengubahsuai kawasan Stadium Shah Alam kepada Sport City untuk kegunaan orang awam?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PERMOHONAN TANAH UNTUK SJKC DAN SJKT**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan untuk permohonan tanah untuk SJKC San Yuk, SJKC Chap Kuan dan SJKT Rawang untuk kegunaan sekolah?

**JAWAPAN:**

a) Perkembangan permohonan tanah untuk SJKC San Yuk, SJKC Chap Kuan dan SJKT Rawang untuk kegunaan sekolah seperti berikut:

i) SJKC San Yuk

Berdasarkan rekod, tiada sebarang permohonan pemberimilikan diterima oleh mana-mana pihak behubung tapak tersebut.

ii) SJKC Chap Kuan

Terdapat dua (2) permohonan pemberimilikan diterima pada tahun 2018. Rujukan nombor fail adalah PTG.2/2/743/2018 dan PTG.2/2/770/2018. Kedua-dua fail tersebut adalah dalam tindakan penyediaan laporan tanah oleh Penolong Pegawai Tanah.

iii) SJKT Rawang

Permohonan pemberimilikan diterima pada tahun 2015. Rujukan nombor fail adalah PTG.2/2/966/2015. Hakmilik telah dikeluarkan pada tahun 2018. Nombor hakmilik adalah HS(D)87317 PT9490.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : BERNIAGA INTERNET**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan untuk membantu golongan belia untuk berniaga di Internet?
- b) Apakah manfaat yang boleh diperolehi Kerajaan kalau makin ramai aktiviti perniagaan dijalankan secara online di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Di bawah *Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)* yang diterajui oleh Y.B. Dato' Teng Chang Khim telah melaksanakan program *Online 100* yang merupakan platform pemasaran atas talian untuk usahawan Selangor. Platform ini dilancarkan pada tahun 2015 dan bertujuan untuk menjadikan Selangor sebagai hub perdagangan untuk e-commerce. Platform ini merupakan himpunan daripada beberapa e-marketplace. Sasaran awal usahawan bagi program ini adalah sebanyak 100 usahawan untuk menyertai platform ini. Selepas program ini dijalankan jumlah jualan dari semua e-marketplace platform adalah meningkat daripada RM2.5 Juta pada tahun 2015 kepada 4.8 juta pada tahun 2017.

Sehingga Mac 2018 sebanyak 330 usahawan telah menyertai program *Online 100*. Tiga (3) kategori perniagaan utama pada platform ini adalah barang bayi dan kanak-kanak sebanyak 16.59 %, diikut dengan fesyen dan barang rumah masing-masing sebanyak 16.05% dan 13.9%. Berikut merupakan perincian usahawan yang menyertai *Online 100* :-

Jenis Perniagaan	Pecahan (%)
Barangan bayi dan kanak-kanak	16.59%
Barangan rumah dan kehidupan	13.90%
Fesyen	16.05%
Barangan runcit	10.70%
Kesihatan dan kecantikan -	13.90%
Barangan sukan dan rekreatif	10.17%
Barangan Elektronik	10.14%

Jenis Perniagaan	Pecahan (%)
Buku, cerita, dan alatan tulis	6.42%
Perkhidmatan, kupon dan tiket	2.14%

Sumber : *Selangor Information Technology and E-Commerce Council*

- b) Perniagaan dalam talian atau *online* amat popular dan digemari oleh masyarakat pada masa kini. Kaedah perniagaan ini mudah dimulakan dan dijalankan dengan modal yang rendah.

Perniagaan dalam talian turut memberi peluang kepada peniaga beroperasi selama 24 jam setiap hari. Teknologi yang canggih kini membolehkan pengguna internet membeli-belah dalam talian pada bila-bila masa dan di mana sahaja dimana skop perniagaan akan lebih meluas.

Dengan adanya perniagaan dalam talian, Kerajaan Negeri dapat menjimatkan kos penyediaan pusat atau tempat operasi yang kosnya pada masa kini amatlah tinggi.

Perkembangan ini bukan sahaja telah mewujudkan industri penghantar barang (*runner*) malahan beberapa pasar raya utama telah mewujudkan kemudahan tempahan barang keperluan secara dalam talian dengan penghantaran percuma.

Kemudahan kepada pengguna yang tidak perlu meninggalkan rumah atau pejabat di samping menjimatkan minyak dan masa perjalanan ke kedai menjadi antara tarikan utama perniagaan dalam talian terus menjadi pilihan ramai, cuma tempah dan tunggu barang tersebut sampai di depan pintu.

Selain barang mahupun makanan, perniagaan dalam talian juga memudahkan tempahan perkhidmatan seperti mencuci, memindah barang, menyelenggara peralatan elektrik dan banyak lagi.

Kesimpulannya, perniagaan dalam talian mempermudahkan urus niaga bukan sahaja untuk pelanggan malahan kepada peniaga sendiri. Dengan bantuan dan pemantauan kerajaan, perniagaan dalam talian dapat melahirkan lebih ramai jutawan dan memudahkan urusan harian rakyat di seluruh negara. Keadaan ekonomi Negeri Selangor akan lebih rancak jika perniagaan atas talian ini digunakan secara menyeluruh yang akan turut mengangkat nama Kerajaan Negeri Selangor sebagai hub pengeluar usahawan atas talian yang lebih maju berbanding dengan negeri lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PAPAN IKLAN (BILLBOARD)**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Nyatakan jumlah papan iklan dan pendapatan papan iklan mengikut PBT.
  - Apakah tindakan Kerajaan untuk mengawal jumlah pembinaan papan iklan?

**JAWAPAN:**

- Berikut adalah jumlah papan iklan dan pendapatan papan iklan berdasarkan PBT masing-masing:

<b>PBT</b>	<b>Jumlah (unit)</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
MBSA	322	1,123,620.00
MBPJ	967	14,765,362.00
MPK	59	118,000.00
MPAJ	116	921,610.20
MPSJ	336	3,600,842.89
MPS	453	2,800,000.00
MPKj	216	136,605.56
MPSp	375	77,157.30
MDKL	39	832,998.00
MDHS	49	22,899.02
MDKS	6	35,000.00
MDSB	2	1,800.00
<b>JUMLAH</b>	<b>2940</b>	<b>24,435,894.97</b>

Nota: Sumber dari PBT

- PBT melaksanakan pengawalan jumlah pembinaan papan iklan berdasarkan permohonan tertakluk kepada undang-undang sedia ada seperti Akta, Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) Pindaan 2007 dan Garis Panduan Perancang Papan Iklan Luar (2009) dan UUK Iklan (PBT) 2007 serta pekeliling lain berkaitan yang ditetapkan oleh Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PERBELANJAAN LAWATAN EXCO DAN MB KELUAR NEGARA**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan tempat dan perbelanjaan Menteri Besar dan EXCO Kerajaan Negeri Selangor menjalankan lawatan keluar negara untuk tahun 2018 dan 2019.
- b) Apakah tujuan utama untuk Kerajaan Negeri Selangor menjalankan lawatan keluar negara?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Bagi tahun 2018 dan 2019, senarai lawatan rasmi Kerajaan Negeri Selangor ke luar negara, tujuan dan jumlah perbelanjaan yang telah digunakan adalah seperti di **Lampiran A**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PEMBINAAN DAN MENAIKTARAF SISTEM SALIRAN DAN PERPARITAN OLEH PIHAK JKR, JPS DAN PBT**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menangani isu "Red Tape" dalam agensi-agensi kerajaan di peringkat Negeri terutamanya JKR, JPS dan PBT yang melibatkan masalah sistem saliran dan perparitan?
- b) Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyeragamkan kerja-kerja di antara agensi kerajaan seperti JPS, JKR dan MPK?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis Perbandaran Klang, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan & Saliran Daerah Klang sentiasa bersama berbincang dan memberi maklumbalas atas sebarang kejadian banjir yang berlaku seterusnya merancang program-program bagi mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan yang terlibat. Di peringkat JKR Selangor, masalah ini telah dibangkitkan di dalam beberapa mesyuarat terdahulu. Masalah utama yang dihadapi adalah untuk mengenalpasti inventori longkang mengikut agensi masing-masing. Untuk itu, JKR Daerah Kuala Selangor telah dipilih sebagai Daerah Perintis untuk mengatasi masalah ini. Satu mesyuarat khas telah diadakan bersama agensi-agensi terlibat untuk membincangkan perkara tersebut. Hasil mesyuarat, semua agensi berkenaan diminta untuk mengemukakan inventori sistem dan perparitan masing-masing untuk diselaraskan terutama di lokasi yang sering mengalami masalah banjir.
- b) Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua agensi terlibat (JPS, JKR, dan PBT) untuk mengumpul dan menyediakan inventori longkang untuk semua Daerah mengikut format yang berkenaan. Rekod inventori tersebut sedang diuruskan oleh UPEN Selangor untuk tindakan selanjutnya. Setiap agensi melaksanakan kerja-kerja yang terlibat dalam program/ rancangan mengatasi masalah banjir di kawasan senggaraan masing-masing berdasarkan kepada peruntukan dan keperluan semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : ADUAN MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Berapakah jumlah aduan kes berkenaan (pot-hole) yang diselesaikan oleh pihak MPK di DUN Sentosa?
  - Sejauh manakah keberkesanan lantikan kontraktor KDEB daripada PBT Kerajaan Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah aduan kes berkenaan ‘pot-hole’ yang telah diselesaikan oleh MPK di DUN Sentosa dari bulan Januari hingga September 2019 adalah seperti berikut:-

PBT	Jumlah aduan kes berkenaan (pot-hole) yang diselesaikan oleh pihak MPK di DUN Sentosa
MPK	Jumlah Aduan: 62 Aduan Jumlah aduan telah Selesai: 58 Aduan Jumlah aduan dalam Tindakan: 4 Aduan

- b) Pelantikan syarikat KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEB) oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam pengurusan kutipan sampah dan pembersihan awam ketika ini telah melibatkan sebanyak 11 buah PBT, manakala satu (1) PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan melantik KDEBWM mulai bulan Januari 2020. Berdasarkan kepada pengalaman PBT dalam kerja-kerja kutipan sampah menggambarkan bahawa prestasi KDEBWM adalah amat baik dan sentiasa memberi kerjasama dalam memastikan kawasan seliaan dijaga dengan baik serta sentiasa positif dalam menerima teguran dan penambahbaikan. Selain itu, pelantikan KDEBWM juga dapat melonjakkan imej PBT dari segi keseragaman lori pengangkut sampah, kurang isu kerosakan lori pengangkut sampah dan kutipan mengikut jadual berikutnya lori pengangkut sampah dilengkapi oleh sistem AVLS (Automatic Vehicle Locate System) dan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) bagi memastikan setiap kawasan operasi mengikut jadual. Manakala bagi perkhidmatan pembersihan awam antaranya dalam skop pembersihan longkang dan potong rumput di PBT yang baru diambil alih seperti Majlis

Perbandaran Selayang (MPS), Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPSJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) masih belum memuaskan berikutan PBT masih menerima aduan daripada penduduk. Walau bagaimanapun, PBT akan sentiasa memantau prestasi KDEBWM bagi memastikan pelaksanaan perkhidmatan kerja yang diberikan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan dan membawa nilai *value for money* kepada PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : MASALAH ARAK**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani isu penjualan arak di kedai serbaneka/runcit secara haram/tanpa lesen?
- b) Adakah PBT mengambil tindakan serius ke atas premis-premis yang menjual arak selepas jam 9 malam?

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan lesen minuman keras adalah di bawah tindakan atau bidang kuasa Lembaga Pelesenan Eksais Daerah. Penjualan minuman keras tidak berlesen adalah di bawah tindakan Kastam yang boleh membawa kepada tindakan penguatkuasaan iaitu kompaun termasuk sitaan minuman keras. PBT hanya boleh mengambil tindakan Notis Tawaran Kompaun (NTK) di atas premis yang menjalankan perniagaan tidak berlesen. Untuk isu ini, PBT akan mengadakan operasi bersama Kastam dan Pejabat Daerah.
- b) Ya, PBT akan mengambil tindakan ke atas premis-premis yang menjual arak selepas jam 9 malam dengan menarik balik dan membatalkan sokongan yang diberikan sekiranya pemilik lesen menimbulkan sebarang kacauganggu, aduan awam atau melanggar mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan semasa yang telah ditetapkan oleh PBT atau mendapat pengesahan dari Jabatan Kastam DiRaja Malaysia. Perkara ini juga merujuk Akta Eksais 1976, Seksyen 35 (1)(b) dan syarat kelulusan lesen perniagaan minuman keras, premis tidak dibenarkan menjual minuman keras antara jam 9.00 malam – 7.00 pagi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : NYAMUK AEDES & KESIHATAN AWAM**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kadar wabak denggi di kawasan Daerah Klang dan khususnya DUN Sentosa?
  - Sejauh manakah keberkesanan pihak KDEB dalam menangani isu kebersihan awam?

**JAWAPAN:**

- Di antara usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam memerangi masalah denggi di Selangor adalah termasuk Daerah Klang adalah seperti berikut:-
  - Peruntukan sebanyak RM3 juta oleh Kerajaan Negeri bagi menampung perbelanjaan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi Selangor.
  - Melaksanakan Program Selangor bebas Aedes di Tempat Kerja dan Kuarters.
  - Memperhebatkan Pemeriksaan Tempat Pembiakan (PTP) di tempat-tempat tumpuan awam seperti taman rekreasi, kompleks membeli belah, sekolah, pasar, stadium dan sebagainya termasuk di lokaliti sporadik.
  - Mengadakan ceramah dan latihan kepada kontraktor pembersihan mengenai cara memusnahkan tempat pembiakan nyamuk.
  - Mengadakan taklimat denggi kepada semua pemaju dan syarikat Pest Controller Operator (PCO) di tapak bina dan premis berisiko seperti kedai besi buruk, kedai barang lusuh, kedai menjual barang ganti terpakai.
  - Mengeluarkan notis pembersihan kepada pemilik tanah perendirian dan rumah kosong supaya kawasan persekitaran tidak menjadi tempat pembiakan nyamuk dan kacauganggu.
  - Mewujudkan Pasukan Kawalan Pantas bagi membersih sampah longgok yang menjadi punca pembiakan nyamuk di lokaliti wabak/ hotspot Denggi.

8. Menjemput wakil DUN, ahli Majlis, JKKK, Pengerusi Taman, wakil JMB menghadiri Mesyuarat Tindakan Denggi Peringkat Daerah yang diadakan setiap minggu dalam membincangkan/ mengatasi masalah di kawasan Denggi masing-masing.
  9. Mengadakan Program Pendidikan Kesihatan tentang penyakit Demam Denggi di sekolah dan tadika secara berkala.
  10. Memperluaskan lagi penggunaan Repellant kepada orang awam semasa berada di kawasan wabak Denggi.
  11. Memperkuuhkan lagi pendedahan masyarakat dalam Program Kitar Semula bagi mengelakkan penduduk membuang sampah pukal di merata tempat.
  12. Mengadakan ‘pondok panas’ di tempat tumpuan awam seperti pasar malam dalam usaha menyampaikan mesej kesihatan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat untuk mengambil langkah kawalan dan pencegahan Demam Denggi.
  13. Menjalankan Program Kempen Semburan Aerosol dalam aktiviti gotong royong di kawasan demam Denggi.
  14. Mengadakan pemeriksaan PTP (mopping up) bersama Ahli Majlis (Pengerusi Denggi Zon) dan rumah di lokaliti hotspot pada waktu petang/ malam.
- b) Majlis Perbandaran Klang (MPK) telah melantik KDEB Waste bermula Julai 2016 dan sehingga kini prestasi KDEB Waste amat baik dan sangat memberi kerjasama dalam memastikan kawasan seliaan dijaga dengan baik serta sentiasa positif dalam menerima teguran dan penambahbaikan.

KDEBWM sentiasa memastikan kerja-kerja pembersihan awam dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Kualiti dan mutu kerja KDEBWM sentiasa dipantau oleh MPK. KDEBWM juga dari masa ke semasa sentiasa mengadakan sesi perjumpaan dan perbincangan dengan Ahli Majlis, Persatuan Penduduk dan kontraktor kawasan bagi mendapatkan maklum balas dan memastikan kerja-kerja pembersihan awam dapat dilaksanakan dengan berkesan. KDEBWM juga sentiasa membantu di dalam aktiviti-aktiviti gotong royong yang dianjurkan oleh pelbagai pihak.

Keberkesanan dalam menangani isu kebersihan awam ini memerlukan penglibatan dan kerjasama semua pihak. KDEBWM akan sentiasa memainkan peranan sebagai kontraktor bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan awam.

Aspek utama yang perlu diberikan penekanan dalam memastikan isu pembersihan awam ini dapat ditangani dengan berkesan ialah kerjasama penduduk dan juga orang awam untuk bersama-sama menjaga kebersihan. Sekiranya semua pihak berganding bahu dan bekerjasama serta sentiasa mengutamakan kebersihan, isu kebersihan awam ini akan dapat diatasi secara total dan berkesan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : ADUAN KILANG HARAM**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Senaraikan semua kilang yang telah diambil tindakan oleh pihak Kerajaan Negeri dan MPK yang mempunyai aduan penduduk setempat.
- Senaraikan tindakan yang telah diambil untuk menangani isu pembakaran terbuka oleh MPK di DUN Sentosa.

**JAWAPAN:**

- Berikut adalah kilang-kilang yang telah diambil tindakan oleh Majlis Perbandaran Klang berdasarkan aduan dari penduduk setempat pada tahun 2018 dan 2019:-

Tahun	Jumlah Kilang yang telah diambil tindakan	Tindakan yang telah diambil
2018	35 buah  Senarai Kilang seperti di lampiran.	i) Tindakan telah diambil atas kacau ganggu, menjalankan perniagaan tanpa lessen dan pencemaran alam sekitar.  ii) Tindakan penguatkuasaan diambil dibawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPK) 2007 iaitu kompaun, notis penutupan dan sita.
2019	13 buah  Senarai Kilang seperti di lampiran	

- Tindakan yang telah diambil oleh Majlis Perbandaran Klang untuk menangani isu pembakaran terbuka di DUN Sentosa adalah seperti berikut:-
  - Menjalankan pemantauan dari masa ke semasa.
  - Pemantauan yang dijalankan ke lokasi aduan mendapati hanya kesan dari aktiviti pembakaran terbuka telah berlaku. Walau bagaimanapun, tiada tangkapan atau tindakan dilakukan kerana tiada individu yang melakukan pembakaran di lokasi semasa siasatan dilakukan.

**LAMPIRAN****SENARAI ADUAN INDUSTRI 2018/2019**

PBT	TAHUN	NAMA KILANG	ALAMAT
<b>MAJLIS PERBANDARAN KLANG</b>	2018	1. Diamex Mal Malaya Sdn Bhd	Lot.1 Lebuh Sultan Hishamuddin 1 Kawasan 20 Selat Utara Klang, 42000 Pelabuhan Klang.
		2. Hua Tai Sdn Bhd	Lot.17 Lorong Sungai Puloh 1/KU6, Taman Teknologi Gemilang, 42100 Klang.
		3. Nam Lai Li Plastic Industry Sdn Bhd	No.22 Jalan Sungai Batu 6/KU6, Kawasan Perindustrian Klang Utama, 42100 Klang.
		4. NW Mega Waste Management Sdn Bhd	Lot 6153 Batu 8 ½ Off Jalan Kapar, Kampung Perepat, 42200 Kapar, Klang.
		5. Aspalt Technology	Lot.11930 Jalan Perajurit 1, Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang.
		6. Green Rubber And Petroleum Sdn Bhd	Lot.15217 Jalan Pusara, Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang.
		7. Asiapac Polymers Technology Sdn Bhd	Lot No.87726 (PT64302) Jalan Perigi Nenas 8/1 Taman Perindustrian Pulau Indah 42920 Pulau Indah, Pelabuhan Klang.
		8. Over Sea Plaster Supply & Cons Sdn Bhd	No.68G Lorong Dato Yusof Shahbuddin 29B, Taman Sentosa, 41200 Klang.
		9. Pemilik Premis	No.5 Jalan Sungai Puloh 7/KU6, Taman Perdana, 42200 Klang.
		10. Pemilik Premis	No.8 Jalan Canang Emas 7/KS10, Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang.
		11. Pemilik Premis	Lot.104629 Lebuhraya Pulau Lumut, Telok Gong, 42000 Pelabuhan Klang.

PBT	TAHUN	NAMA KILANG	ALAMAT
		12. Pemilik Premis	No.26 Jalan Astana 1C, Bandar Bukit Raja, 41050 Klang.
MAJLIS PERBANDARAN KLANG	2018	13. Pemilik Premis	No.12A Jalan Permata 9/KS9, Taman Perindustrian Air Hitam, 41200 Klang.
		14. Pemilik Premis	Lot.3248 Batu 4, Jalan Sekolah, Rantau Panjang, 42100 Klang.
		15. Pemilik Premis	No.20 & 22 Jalan Wawasan 2C, Sungai Kapar Indah, 42200 Klang.
		16. Pemilik Premis	No.21 Lorong Wawasan 4A, Kawasan Perindustrian Sungai Kapar Indah, 42200 Klang.
		17. Tukas Industries Sdn Bhd	Lot.67417 (1171) Jalan Kempas Kanan, Kampung Perepat, Batu 8 Kapar, 42200 Klang.
		18. Yang Wang Plastic Sdn Bhd	Lot.52 Jalan Sungai Pinang 5/7, Taman Perindustrian Pulau Indah 2, Pulai Indah, 42920 Klang.
		19. Pemilik Premis	No.740 Jalan Telok Pandamaran, 42000 Pelabuhan Klang.
		20. Pritam Singh Agency	Lot.8011A Jalan Johan Setia, Mukim Klang Selangor.
		21. Seleksi Kekal	Lot.42 Lorong Raja Haji Othman Off Jalan Raya Barat 41100 Klang.
		22. Pemilik Premis	Lot.67701 Jalan Sungai Chandong 13, Pulau Indah, 42920 Pelabuhan Klang.
		23. Pemilik Premis	Lot.6851,6852 & 6853 Persiaran Hamzah Alang Kapar, 42200 Klang.
		24. Pemilik Premis	Lot.6791 Jalan Kebun, Klang
		25. Pemilik Premis	Lot.6788 Jalan Kebun, Klang
		26. Pemilik Premis	Di Jalan Haji Abdul Manan 1, 41050 Klang.

PBT	TAHUN	NAMA KILANG	ALAMAT
MAJLIS PERBANDARAN KLANG	2018	27. Pemilik Premis	Lot.1643 Lebuh Raja Lumu, 42000 Pelabuhan Klang.
		28. Pemilik Premis	Jalan Sungai Chandong, Jalan Sungai Chandong 12 & 12A.
		29. Fairmont Industries Sdn Bhd	No.2 Lot 50782 Jalan Wawasan 3/KU, Sungai Kapar Indah, 42200 Klang.
		30. Pemilik Premis	Lot.762 Jalan Haji Sirat, Taman Klang Utama, 41200 Klang.
		31. Sunnik Galvanising	No.38B Jalan Bistari 2A/KU7, Taman Perindustrian Kapar Bistari Batu 7, Jalan Kapar, Klang.
		32. Pemilik Premis	Lot 10479 Batu 1, Jalan Nenas, Kampung Jawa, 41000 Klang.
		33. Pemilik Premis	Lot 100754 Jalan Sama Gagah 21, Taman Teluk Gedung Indah, 42000 Pelabuhan Klang.
		34. Pemilik Premis	Lot.6153 Batu ½ Kampung Perepat, 42200 Klang.
		35. Pemilik Premis	No.28 Jalan Permai 4 PFF, Jalan Sungai Putus 2, 42100 Klang.
	2019	Wel Ortus Sdn Bhd Dan 12 Pemilik Premis Tiada Nama Kilang	Di Sekitar Lot 196 Off Jalan Haji Sirat, Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE  
(N48 SENTOSA)**

**TAJUK : PERANCANGAN KERAJAAN UNTUK MENGELAK BANJIR BESAR  
KHUSUSNYA DI KAWASAN YANG DIKELILINGI SUNGAI**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Banjir kilat sering berulang berlaku di kawasan perumahan Taman Sentosa serta Kampung Jawa. Apakah langkah yang telah diambil dan juga perancangan Pihak Kerajaan Tempatan dan JPS untuk mengatasi masalah banjir kilat tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah melaksanakan empat (4) projek bertujuan mengatasi masalah banjir kilat di kawasan perumahan Taman Sentosa. Projek tersebut adalah seperti berikut:-
1. Kerja-kerja Membina Kolam Takungan Banjir Di Taman Sentosa, Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan dengan kos sebanyak RM3,371,966.53. Projek ini telah disiapkan pada 01.06.2019.
  2. Kerja-kerja Menaiktaraf Sistem Saliran Taman Sentosa dengan kos sebanyak RM6,588,515.00. Projek ini telah disiapkan pada 25.09.2019.
  3. Projek Tebatan Banjir di Sungai Aur Fasa 5 dengan kos sebanyak RM10,853,301.63. Kemajuan projek 96% dan dijangka siap pada Disember 2019.
  4. Projek Menaiktaraf Sistem Saliran di Kg. Jawa dengan kos sebanyak RM4,933,269.00. Kemajuan projek 61% dan dijangka siap pada Mac 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR  
(N32 SERI SETIA)**

**TAJUK : PEMAJU DAN PEMBANGUNAN HARAM**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah proses penyerahan oleh pemaju kepada pihak PBT dan apakah tindakan yang diambil oleh PBT terhadap pemaju yang bermasalah sehingga ber puluh tahun gagal meyerahkan kepada pihak PBT sehingga memberi kesan kepada pemilik/pembeli?

**JAWAPAN:**

- a) Proses penyerahan pembangunan yang telah siap dan telah mendapat sokongan CCC diserahkan kepada PBT bagi tujuan penyelenggaraan dan berkaitan adalah selepas 6 bulan dari tarikh mendapat sokongan CCC (sijil siap dan pematuhan). Pemaju yang bermasalah dan gagal bagi mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan beserta lanjut tempoh akan disenaraikan dalam senarai projek-projek terbengkalai dalam jawatankuasa pemulihan projek terbengkalai di PBT sekiranya tiada sebarang penyambungan kerja dijalankan.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh PBT bagi memastikan kemudahan infrastruktur yang belum diserah diselia & diselenggara oleh pemaju bagi sesuatu pemajuan adalah seperti berikut:

- i. PBT mengeluarkan arahan kepada pihak pemaju untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan/penyelenggaran dalam tempoh yang ditentukan.
- ii. PBT mengenakan kompaun dibawah Akta 133 Akta Jalan, Parit & Bangunan jika pemaju gagal untuk mematuhi arahan PBT.
- iii. PBT akan mengatur kerja-kerja pembaikan/selenggaraan jika arahan tidak dipatuhi dengan kos kerja akan ditolak dari cagaran infrastruktur yang ada dalam simpanan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR  
(N32 SERI SETIA)**

**TAJUK : BADAN PENGURUSAN BERSAMA (JMB/MC)**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan dan solusi yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi permasalahan yang timbul di kawasan yang tidak mempunyai Badan Pengurusan Bersama?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318], hakmilik tanah bagi sesebuah kawasan pemajuan strata adalah hakmilik semua pemilik dan mereka perlu bertanggungjawab untuk menyenggara dan mengurus bangunan pangaspuri mereka. Peruntukan akta berkenaan jelas menyatakan hak-hak dan tanggungjawab pemilik-pemilik petak terhadap unit pangaspuri yang mereka beli dan miliki.

Tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi permasalahan di pangaspuri terutamanya jenis kos rendah yang tidak mempunyai Badan Pengurusan Bersama (JMB/MC) ialah dengan melaksanakan program Pemberdayaan Komuniti atau K-Squad. Program ini mengambilkira peranan Pesuruhjaya Bangunan (COB), di Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai kuasa untuk melantik ejen pengurusan di bawah Seksyen 86 Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] untuk mengambilalih pangaspuri yang bermasalah tersebut. Namun demikian, kuasa tersebut tidak dapat dilaksanakan berikutan tiada ejen pengrusan yang berminat untuk menguruskan bangunan memandangkan melibatkan kos penyenggaraan yang tinggi.

Justeru itu, Program K-Squad melalui COB akan mengenalpasti pangaspuri yang layak seterusnya melantik ejen pengurusan yang kompeten untuk menguruskan pangaspuri yang bermasalah ini. Bayaran fi kepada ejen akan disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 6 bulan pada kadar RM6.00 seunit petak (50% lebih rendah dari kadar fi yang ditetapkan seperti Jadual 7, Akta Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah 1981 [Akta 242]). Ejen pengurusan di bawah program K-Squad perlu mematuhi standard operasi prosedur (SOP) yang telah disediakan supaya pengurusan yang dilaksanakan oleh ejen berkenaan mencapai objektif membantu komuniti pangaspuri yang tiada badan pengurusan. Jangkaan output yang akan diperolehi daripada program K-squad adalah pangaspuri kos rendah yang bermasalah dapat

diuruskan secara teratur terutama melibatkan pengurusan kewangan selain memberi pendidikan kepada pemilik tentang budaya kehidupan strata yang berterusan agar memudahkan pengurusan pangsapuri diambilalih oleh JMB/MC selepas 1-3 tahun.

Setakat 30 September 2019, jumlah pangsapuri yang terlibat dalam program K-Squad adalah 55 kawasan yang terdiri daripada 17,645 unit petak dengan nilai kos RM561,994.20 yang melibatkan 2 fasa pelantikan. Pecahan peruntukan kos bagi program K-Squad mengikut kawasan COB adalah seperti berikut:

BIL.	FASA	JUMLAH KAWASAN	JUMLAH UNIT	NILAIAN KOS (RM)
1.	Fasa Satu	10	5,689	193,858.20
2.	Fasa Dua	45	11,956	368,136.00
<b>JUMLAH</b>		<b>55</b>	<b>17,645</b>	<b>561,994.20</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : BANTUAN JKM KEPADA RUMAH PERLINDUNGAN**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah jenis bantuan yang boleh diberikan oleh JKM kepada rumah-rumah perlindungan dalam membantu kelangsungan pengoperasiannya?
  - Berapakah jumlah rumah dan pusat perlindungan yang telah mendapat kemudahan bantuan ini? Huraikan.

**JAWAPAN:**

- Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jenis-jenis bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) ialah :
  - Geran Rangsum : bantuan yang diberikan oleh kerajaan bagi menampung sebahagian kos perbelanjaan dan penyediaan makan dan minum penghuni yang tinggal berkediaman atau datang secara harian ke PSK.
  - Geran Pentadbiran : bantuan yang diberikan oleh kerajaan bagi pembayaran saguhati sukarelawan, sewa premis, utiliti, program latihan dalam bidang kebajikan serta berorientasikan komuniti.
  - Elaun Khas Murid OKU : bantuan kewangan yang diberikan kepada OKU yang mengikuti program pendidikan khas di Sekolah Pendidikan Khas kendalian PSK yang mempunyai sijil Perakuan Pendaftaran dari Kementerian Malaysia.
  - Geran Per Kapita : diberikan kepada Sekolah Pendidikan Khas kendalian PSK yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran dari Kementerian Pelajaran Malaysia.
  - Geran Pembaikan : diberikan kepada PSK yang menjalankan Pusat Jagaan Harian atau Berkediaman untuk mambaik pulih premis yang menjelaskan keselamatan penghuni, pengurusan pentadbiran dan aktiviti PSK.

- b) Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019, sebanyak RM2,909,512.00 bantuan kewangan kerajaan telah diagihkan ke 50 buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) di Negeri Selangor melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut :

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah PSK</b>	<b>Jumlah Geran (RM)</b>
1	Kuala Langat	1	<b>30,000.00</b>
2	Sabak Bernam	1	<b>100,00.00</b>
3	Hulu Langat	11	<b>891,112.00</b>
4	Hulu Selangor	3	<b>132,000.00</b>
5	Petaling Jaya	16	<b>806,700.00</b>
6	Klang	6	<b>116,600.00</b>
7	Subang Jaya	3	<b>106,700.00</b>
8	Shah Alam	3	<b>292,220.00</b>
9	Gombak	6	<b>330,900.00</b>
	<b>Jumlah</b>	<b>50</b>	<b>2,909,512.00</b>

*Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI  
(N49 SUNGAI KANDIS)**

**TAJUK : KES KAUNSELING KAKITANGAN AWAM SELANGOR**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah kes kakitangan kerajaan negeri termasuk kakitangan di PBT dan Pejabat Daerah yang dirujuk ke Kaunseling? Senaraikan

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah Sesi Kaunseling sehingga **18 Oktober 2019** adalah seperti berikut:
- i. **Sesi Kaunseling Individu** adalah sebanyak **67 Sesi**. Secara keseluruhan kes-kes yang terlibat adalah berkaitan dengan isu kerjaya, hubungan, komunikasi, masalah peribadi dan kekeluargaan.
  - ii. Bagi **Sesi Kaunseling Kelompok** pula, terdapat seramai **119 orang**. Secara keseluruhan isu-isu yang berkaitan juga banyak berkisar tentang prestasi kerjaya, motivasi, hubungan dengan penyelia/ rakan sekerja, komunikasi dan masalah peribadi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN AHLI AHLI MAJLIS MBSA (ZON 17,18,24), MBPJ (ZON 3,4)**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah peruntukan dan perbelanjaan yang telah digunakan oleh Ahli-Ahli Majlis tersebut untuk tahun 2018-2019?
- Berapakah, tujuan apakah dan kepada siapakah perbelanjaan tersebut secara terperinci telah digunakan?

**JAWAPAN:**

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**

- Peruntukan dan perbelanjaan Ahli Majlis MBSA (Zon 17, 18 & 24)

Bil	MPP Zon	Tahun 2018	Tahun 2019 (sehingga Oktober 2019)
1.	Zon 17	RM60,000.00	RM60,000.00
2.	Zon 18	RM59,000.00	RM55,000.00
3.	Zon 24	RM54,000.00	RM76,000.00

- Peruntukan/perbelanjaan tersebut digunakan bagi penganjuran program kepada komuniti seperti program gotong-royong, program kelas keagamaan, mesyuarat/perjumpaan bersama penduduk, program sambutan perayaan, sukan, kesihatan, program cuti sekolah dan sebagainya.

Bil	MPP Zon	Program	Tahun 2018	Tahun 2019
1.	Zon 17	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Program perayaan</li> <li>- Program gotong-royong</li> <li>- Program sukan</li> <li>- Program cuti sekolah</li> <li>- Lain-lain</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM30,000.00</li> <li>RM10,000.00</li> <li>RM10,000.00</li> <li>RM4,000.00</li> <li>RM6,000.00</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>RM31,000.00</li> <li>RM9,000.00</li> <li>RM9,000.00</li> <li>RM5,000.00</li> <li>RM6,000.00</li> </ul>

<b>Bil</b>	<b>MPP Zon</b>	<b>Program</b>	<b>Tahun 2018</b>	<b>Tahun 2019</b>
2.	Zon 18	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Program perayaan</li> <li>- Program gotong-royong</li> <li>- Program sukan</li> <li>- Program cuti sekolah</li> <li>- Lain-lain</li> </ul>	RM31,000.00 RM9,000.00 RM10,000.00 RM5,000.00 RM4,000.00	RM30,000.00 RM10,000.00 RM8,000.00 RM3,000.00 RM4,000.00
3.	Zon 24	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Program perayaan</li> <li>- Program gotong-royong</li> <li>- Program sukan</li> <li>- Program cuti sekolah</li> <li>- Lain-lain</li> </ul>	RM30,000.00 RM7,000.00 RM10,000.00 RM4,000.00 RM3,000.00	RM35,000.00 RM15,000.00 RM10,000.00 RM5,000.00 RM11,000.00

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

a) dan b)

Seperti di Lampiran A.